

TERAS PEMIKIRAN ABU HAMID AL-GHAZALI PEMANGKIN KEMENJADIAN SAHSIAH INSAN HOLISTIK

(The Thoughts of Abu Hamid Al-Ghazali's in Promoting the Emergence of Holistic Human Personality)

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900 Kuala Kubu Bharu, Perak, Malaysia

ABSTRACT – This article examines the educational philosophical argumentation from Abu Hamid al-Ghazali and some essence of the approach can be holistically applied to human development, namely, through education methodology, rules and the application of moral character and direction are needed to strengthen the discipline of the human. This study was conducted using the library methods. The process of data collection was through conceptual analysis such as “Ihya’ Ulumuddin” books, other books, journals, newspapers, articles, and encyclopedia which is known as the analysis of documents that can help complement the study. The results showed that some details of the application of the theory of Abu Hamid al-Ghazali based criteria or traits of his knowledge can contribute to the culture of behaviour among individuals everywhere.

ABSTRAK – Kajian ini menelusuri hujah kefalsafahan kependidikan Abu Hamid al-Ghazali dan beberapa inti pati pendekatan yang boleh diaplikasikan bagi pembangunan insan secara holistik iaitu menerusi metodologi kependidikan, kaedah-kaedah penerapan sahsiah dan akhlak serta halatuju yang diperlukan bagi memantapkan disiplin seseorang manusia. Kajian ini dijalankan menggunakan metode kepustakaan. Proses pengumpulan data pula adalah melalui sorotan ilmiah seperti kitab “Ihya Ulumuddin”, buku, jurnal, akhbar, artikel dan ensiklopedia yang mana dikenali sebagai analisis dokumen yang dapat membantu melengkapkan lagi kajian. Hasil kajian mendapati bahawa, beberapa perincian pengaplikasian landasan pemikiran sebenar daripada Abu Hamid al-Ghazali berdasarkan kriteria atau trait ilmunya dapat memberikan sumbangan kepada pembudayaan sahsiah dalam kalangan individu di mana jua.

ARTICLE HISTORY

Received: 13th Oct. 2021

Revised: 22nd Oct. 2021

Accepted: 8th Nov. 2021

KEYWORDS

Core thought

Abu Hamid al-Ghazali

Becoming character

Discipline

Holistic human

PENDAHULUAN

Orang Barat mengatakan tumpuan dan keperluan pembangunan sahsiah umumnya menjurus kepada memenuhi keperluan fizikal manusia bagi memastikan sesuatu matlamat tercapai. Teori daripada ahli falsafah Barat contohnya Weber (1921/1968), Maslow (1970), Taylor (1911), McGregor (2006) dan lain-lain, melihat keperluan manusia lebih kepada memenuhi aspek luaran manusia semata-mata. Antaranya seperti, memenuhi pembangunan jasmani dan psikologikal manusia, meningkatkan kedudukan atau pengaruh selain membangunkan status sosial serta ekonomi yang mereka rasakan adalah teras dalam memastikan pembangunan dan perkembangan sistem sosial manusia terjamin. Menurut kajian yang dijalankan oleh Ayesha Dias di bawah kelolaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mendapati, perkembangan manusia hanya diukur berdasarkan empat piawaian utama (Ripin, *et al.*, 2006) iaitu:

1. Perkembangan sosial seperti penghapusan kemiskinan, kadar populasi yang stabil, pendidikan yang holistik, taraf kesihatan tinggi dan tempat tinggal selesa.
2. Perkembangan ekonomi seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), keperluan barangan yang berkualiti dan penggunaan teknologi dalam aktiviti kerja.
3. Pembangunan setempat seperti keperluan sumber asas makanan dan minuman yang mencukupi, kebersihan alam sekitar dan pengurusan tanah yang baik, keseimbangan ekosistem, perkembangan bioteknologi, menaik taraf industri pertanian dan memiliki sistem pembuangan yang teratur
4. Pembangunan institusi seperti integrasi faktor persekitaran, dan pengemaskinian dalam membuat kritikan dan keputusan, institusi pendapat saintifik, organisasi yang berdaftar dan pengawalan kapasiti bangunan.

Kegagalan hidup manusia di dunia dikaitkan dengan suatu unsur pembangunan yang menjadi agen kepada diri sendiri dan persekitaran. Al-Quran dan al-Sunnah menetapkan pembangunan diri manusia bukan menekankan potensi fizikal semata-mata bahkan, hakikatnya turut memenuhi aspek moral, spiritual dan perkembangan mental (Mohamed & Abu Bakar, 2010). Walakin begitu, elemen spritual merupakan inti pati utama dalam pembentukan sahsiah manusia (Muhammad Zin, 2018). Selain itu, antara kriteria pembangunan sahsiah manusia menurut Al-Ghazali (2003) adalah berdasarkan kepada *nafsiah* (sikap), *rohaniah* (dalaman), *wijdaniah* (emosi), *aqliah* (intelekt), *ijtimaiyyah* (sosialisasi),

gharizah (naluri), *dawafi'* (dorongan) dan sebagainya. Sementelahan itu pula, Al-Ghazali (1988) menegaskan lagi bahawa, pembangunan sahsiah merangkumi pengurusan diri seperti ilmu agama, tauhid, ibadah, syariat, akhlak, rumah tangga, kerjaya, silaturahim sesama makhluk, akal budi dan pembangunan kejiwaan dan spritual. Abu Zakaria Yahya bin Sharaf al-Nawawi mengatakan, pembangunan sahsiah meliputi tujuh perkara iaitu aspek kemoralan kepada Allah s.w.t, akhlak sesama makhluk, adab kehidupan, keterampilan sosial, ibadah, ilmu pengetahuan agama dan jihad (Jasmi, 2001).

Beralih pula pada pandangan Ulwan (1994) yang menyatakan, pembangunan sahsiah merangkumi empat perkara iaitu penerapan akidah, praktikal ibadah, kemoralan dan keterampilan diri. Sememangnya pendekatan pembangunan sahsiah lebih menekankan unsur afektif dalam perihal kemanusiaan kerana unsur ini lahir dari dalam diri manusia seperti emosi, roh, *al-qalb* dan *al-nafs* yang akan mempengaruhi setiap tindakan yang dilakukan (Hashim, 2020). Namun begitu, kesepaduan unsur luaran tidak boleh diketepikan juga (Mohd Rusli Hussain, 2003). Bagi al-Ghazali, sahsiah turut terkait dengan unsur luaran kerana unsur luaran merupakan unsur sampingan yang sangat relevan digunakan mengikut kesesuaian sesuatu kelompok. Unsur luaran membawa maksud pembangunan ekonomi, ikatan sosial, persekitaran dan lain-lainnya yang memainkan peranan penting dalam menentukan tahap pembangunan sahsiah insan holistik (Shuhairimi Abdullah, 2010).

Umum mengetahui bahawa, konsep kefilsafatan kependidikan yang dibangunkan oleh Abu Hamid al-Ghazali banyak mengintegrasikan suatu prinsip kemanusiaan, pengetahuan, agenda dan gagasan. Abu Hamid al-Ghazali adalah seorang ilmuan tasawwuf dan teologi Islam yang berjaya memaparkan kemampuan dalam mengintegrasikan sistem ilmu, nilai, baik dalam bidang keagamaan, filsafat dan ilmu pengetahuan umum. Tambahan pula, daya keintelektualan yang ditunjukkan dalam kitabnya yang masyhur, *Ihya Ulumuddin* (6 jilid) bukan sahaja mampu mengungkap isu-isu segar yang melingkari bahkan beliau juga berjaya menyelesaikan hiruk-pikuk pemikiran tepat pada waktunya contohnya memperkenalkan suatu teori baharu dalam filsafat, serta sahsiah yang telah berlaku pada zamannya (Wahyuddin, 2018). Adapun, penulisan ini akan menisbahkan serba sedikit mengenai perkara sebenar filsafat kependidikan menurut Abu Hamid al-Ghazali yang meliputi kaedah, sistem dan evolusi ke arah pembentukan insan holistik

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kualitatif dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan dan bukannya dalam bentuk empirikal. Pengkaji mengumpul data dalam bentuk primer dan sekunder melalui sumber-sumber perpustakaan sebagai bahan kajian. Pengkaji memilih kitab “Ihya’ Ulumuddin” sebagai sumber primer sedangkan buku, jurnal, akhbar, majalah, artikel prosiding, tesis, laman web, ensiklopedia dan lain-lain bahan yang mampu memberikan maklumat berguna kepada kajian merupakan sumber sekunder. Data yang diperoleh menerusi pembacaan, pemahaman dan pentaksiran akan dinalisis melalui pendekatan analisis dokumen secara cermat dan mendalam bagi mendapatkan deskripsi, makna, istilah dan tema yang dikaji.

HASIL KAJIAN

Pengertian dan Kriteria Sahsiah

Secara literal, sahsiah berasal daripada perkataan Arab yakni perkataan mufrad *al-syakhs* atau jamaknya disebut *Asykhah* (Ma‘luf, & Tawtal, 1982) yang membawa gambaran kebatinan, keperibadian, perasaan, keinginan pemikiran, personaliti, tabiat, sikap dan tingkah laku seseorang individu yang menjadi tabii sejak kecil (Mustafa, 2005; Kamus Dewan, 2013). Al-Ghazali (2009) berpendapat, atribut utama *as-Syakhshiyah* adalah suatu *biah rohaniah* (persekitaran rohani) yang disandarkan kepada *amaliah* (perbuatan) dan sudah menjadi fitrah manusia untuk melakukan sesuatu perkara secara naluriah. Amaliah itu lahir secara spontan dalam diri manusia tanpa memerlukan pertimbangan pemikiran dan *mafahim* (persepsi) (Mahmud, 2020). Jika *biah rohaniah* yang melahirkan *amaliah* itu baik, maka lahirlah sahsiah yang terpuji, sekiranya muncul yang negatif, maka *biah rohaniah* itu diertikan sebagai sahsiah yang tercela atau menyimpang.

Seterusnya, dari segi kerangka Barat pula, ciri-ciri utama sahsiah tidak wujud tanpa masyarakat dan agama tidak diperlukan dalam pembangunan sahsiah. Perkara ini dicanangkan sendiri oleh David Émile Durkheim yang beranggapan, ciri-ciri sahsiah yang paling luhur tatkala masyarakat menyanjung tinggi kebajikan yang disepakati oleh sistem dan struktur moral sosial (Nada, 2015). David Émile Durkheim melihat sahsiah adalah suatu uslub atau norma yang boleh menentukan tingkah laku manusia dan peranannya untuk berbuat sesuatu perkara, cara bertindak serta situasi yang ditetapkan untuk bertindak (Abdullah & A.C Van Der Leeden, 1986). Sikap kebertanggungjawaban akan terselah terhadap masyarakat bagi mencari kesejahteraan hidup.

Antara tafsiran para sarjana muktabar berkenaan sub-atribut sahsiah yang ditentukan berdasarkan kaca mata Islam:

1. Ibnu Miskawaih (1966) di dalam penulisannya *Tahzib al-Akhlaq*:

“Adalah *nafsiah* (sikap) yang mendorong manusia bertindak melakukan perbuatan yang secocok dengannya tanpa pertimbangan akal”

Ibnu Miskawaih (1966) mengkategorikan *nafsiah* (sikap) kepada dua bentuk iaitu:

- a. Tabii. Contohnya, seseorang yang mudah berasa marah dengan masalah yang kecil atau takut dengan perkara yang remeh.

- b. Diperoleh melalui cara *tamrin* (latihan) sehingga menjadi amalan harian. Nafsiah (sikap) kategori ini berasal dari pengaruh luar, menjamu pemikiran seseorang sehingga terbentuk tingkah laku dan beransur-ansur berubah menjadi tabiat dan sahsiah seseorang.
2. Abu Bakr al-Kattani adalah salah seorang ahli tasawwuf dunia memberikan penegasan mengenai sahsiah iaitu (Mahmud, 1988):

“Tasawwuf adalah sahsiah, sesiapa yang melebihi engkau pada sahsiah, maka sesungguhnya dia melebihi engkau pada kejernihan rohani” (Mahmood et al., 2020)

3. Al-Junaid bin Muhammad bin al-Junaid pula turut meletakkan sahsiah sebagai perkara sinonim dengan tasawwuf. Beliau berkata:

“Membersihkan jiwa dari kehendak manusia, meninggalkan kelakuan yang tercela, mereda atau memadamkan sifat manusiawi, menolak ajakan nafsu, menghayati sifat-sifat rohaniah berdasarkan ilmu yang sebenarnya, sentiasa beramal dengan yang lebih utama, sentiasa menasihati ummah, setia dengan Allah dalam berpegang kepada kebenaran dan menurut Rasul dalam syariah (undang-undang Islam)” (Ripin et al., 2006)

Berdasarkan kepada semua pengertian dan kriteria sahsiah manusia yang diberikan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa, pembangunan sahsiah itu dimaksudkan sebagai pembangunan akhlak, keperibadian dan tingkah laku dengan tujuan ingin menjadikan manusia itu berakal, bertamadun, holistik serta tahu membezakan perkara yang baik dan buruk. Hakikatnya, asas yang menjadi teras kepada pembangunan sahsiah adalah apa yang dirakamkan di dalam al-Quran dan hadis. Hal ini demikian kerana, al-Quran dan hadis mengandungi ajaran Islam yang telahpun sempurna. Perkara ini telah dijelaskan di dalam al-Quran: *“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”* (Surah al-Maaidah, 5: 3).

Syakhsiyah mutamayyizah (keperibadian terpuji) merupakan mekanisme terbaik untuk melahirkan manusia yang mulia. Menurut Abu Hamid al-Ghazali sebagaimana di dalam Ripin et al. (2006), kemampuan *syakhsiyah mutamayyizah* berkesinambungan dengan konsep *observance of the means*. Menurutnyalagi, manusia boleh menggapai matlamat itu sekiranya sepanjang hayat manusia diberikan kekuatan dalaman yang berkualiti, konsisten dan tidak berubah-ubah. Kualiti ini yang dimaksudkan sebagai kemerdekaan daripada pengaruh keduniaan. Keinginan yang melampau terhadap perhiasan dan keindahan duniawi boleh menjerumuskan manusia ke lembah ekstremisme dalam apa juga perkara. Pendek kata, usaha menuju sahsiah insan holistik telah kecundang. Justeru, pembangunan sahsiah dapat dicapai sekiranya manusia mengikut asal usul kejadiannya. Manusia perlu mengenal siapa dirinya, peranannya, tugasnya, salasilahnya dan halatuju utama mereka hidup di dunia ini serta bagaimana pengakhiran mereka nanti. Segala-galanya telah direkodkan dalam ayat-ayat suci al-Quran dan hadis Nabi Muhammad s.a.w.

Lingkungan Pembangunan Sahsiyah

Dalam Islam, asas pembangunan sahsiah manusia diukur berdasarkan kepada tiga standard utama. Syarifah Habibah (2015) menjustifikasi pembahagian sahsiah seseorang manusia dalam tiga (3) keadaan, iaitu:

1. Sahsiyah manusia ketika bersama dengan Pencipta (penghambaan)
2. Sahsiyah manusia ketika sesama sendiri (muamalat)
3. Sahsiyah manusia ketika bersama dengan alam ciptaan-Nya

Sahsiyah Terhadap Allah SWT

Pada era abad ke-21 ini, manusia sering kali menghadapi krisis dan kesusahan dalam pelbagai bentuk termasuklah ujian penularan wabak pandemik Covid-19 (Muhammad, 2020). Provokasi dan cabaran dari segi politik, sosial, ekonomi, agama, masyarakat, rumah tangga dan kestabilan negara juga dilihat semakin menjadi polemik yang membimbangkan. Namun demikian, ujian yang paling dahsyat adalah lupa mengingati Allah s.w.t sekaligus melanggar segala amanat dan nikmat yang diberikan oleh-Nya (Febriani, 2020). Allah s.w.t telah berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud: *“Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-*

ayat Allah (perintah-perintahNya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencero bohi (hukum-hukum Allah).” (Surah Ali Imran, 3: 112) .

Seperti mana yang dihuraikan oleh Al-Ghazali (2001), beliau mengatakan *al-Rahman* (Maha Pengasih) dikhususkan kepada Allah s.w.t, manakala *al-Rahim* (Maha Penyayang) adalah untuk Allah s.w.t dan makhluk. Menurut Imam al-Sanusi sebagaimana yang termaktub di dalam penulisan Awang Mat (2014), nama suci dan sifat Allah s.w.t *al-Rahman* (Maha Pengasih) dan *al-Rahim* (Maha Penyayang) saling lengkap melengkapi antara satu sama lain bagi membuktikan kekuasaan-Nya. Allah s.w.t adalah bersifat *al-Rahman* (Maha Pengasih) kepada sekalian manusia dan semua makhluk-Nya baik yang beriman atau kufur (pegangan akidah), berbuat pahala atau bergelumang dosa. Allah s.w.t juga sentiasa melimpahkan segala nikmat terhadap hamba-hamba-Nya tanpa mengira darjat atau bangsa seperti pancaindera, kesihatan, pangkat, harta kekayaan, kejayaan, gelaran, pengiktirafan, sanjungan dan sebagainya. Kendatipun begitu, menurut Ibnu Kathir (1994) & al-Qurtubi (2006), sifat *al-Rahim* (Maha Penyayang) hanya ditujukan kepada hamba-Nya yang beramal soleh dan bertakwa (mukmin). Allah s.w.t berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud; “*Dia lah yang memberi rahmat kepada kamu - dan malaikatNya pula (berdoa bagi kamu) - untuk mengeluarkan kamu dari gelap-gelita (kufur dan maksiat) kepada cahaya yang terang-benderang (iman dari taat); dan adalah Ia sentiasa Melimpah-limpah rahmatNya kepada orang-orang yang beriman (di dunia dan di akhirat).*” (Surah al-Ahzaab, 33:43). Ini juga dapat difahami melalui firman Allah SWT; “*Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*” (Surah az-Zumar, 39:49).

Melalui ayat di atas, yakinlah Allah s.w.t bersifat *al-Rahim* (Maha Penyayang) dalam memberi ujian dan kenikmatan kepada orang-orang Mukmin. Sifat ini juga mengajar manusia agar sentiasa mengingati Allah s.w.t dan menjaga keharmonian antara satu sama lain. Kasih sayang tidak akan timbul dari hati manusia yang keras lagi kasar hatinya (Awang Mat, 2014). Menurut Muhammad et al. (2014), kehancuran, bala bencana dan malapetaka terhadap sesuatu tamadun berpunca ketiadaan pengintegrasian *al-Rahim* dalam generasi penyambung. Ditambah pula kelalaian manusia terhadap mentaati Allah s.w.t mengakibatkan kenikmatan yang dijamin oleh Allah s.w.t telah dibolak-balikkan dengan laknat yang sangat menggerunkan. Oleh itu, kembalilah kepada jalan keredhaan Allah s.w.t walau apa jua situasi kerana kesemuanya ini merupakan penanda aras sejauh manakah *hablumminallah* terhadap pembangunan sahsiah itu diukur? Allah s.w.t berulang kali telah menjelaskan melalui firman-Nya bahawasanya *hablun hasanah* (hubungan yang sejahtera) antara manusia dengan Pencipta akan mewujudkan suatu *tazawwuj* (kelazatan) yang tidak dapat dirasai sebelum ini. Secara tidak langsung atau secara langsung, pembangunan sahsiah antara manusia dengan Allah s.w.t ialah:

1. Bertauhid kepada Allah s.w.t (Surah al-Ikhlash, 112 :1- 4; Surah al-Dzariyat, 51: 56)
2. Mentaati suruhan-Nya (Surah Ali Imran, 3: 132)
3. Ikhlas dalam semua amal (Surah al-Bayyinah, 98: 5)
4. Khususyuk dalam beribadah (Surah al-Fatihah, 1: 6)
5. Berdoa dengan pengharapan terhadap Allah s.w.t (Surah al-Zumar, 39: 53)
6. Bersangka baik dalam setiap ketentuan-Nya (Surah Ali ‘Imran, 3: 154)
7. Bertawakal dengan hati terbuka (Surah Ali Imran, 3: 159)
8. Mensyukuri nikmat (Surah Ibrahim, 14: 7)
9. Segera bertaubat apabila melakukan kesilapan (Surah al-Tahrim, 66: 8)

Konsep hubungan manusia dengan Allah s.w.t adalah pengabdian atau ibadah dan konsep hubungan Allah s.w.t dengan manusia adalah peraturan, iaitu perintah dan larangan (Mohd Nawi, 2018). Dengan kata lain, manusia diperintahkan melakukan sesuatu yang disuruh mengikut ketetapan yang telah digariskan Allah s.w.t. Sehubungan dengan itu, realiti keseluruhan mengenai *As-silat ila Allah atau hablumminallah* dalam pembangunan sahsiah insan holistik yang sebenar adalah ‘mewujudkan sifat ketakwaan’ yakni patuh dalam melaksanakan perkara yang disuruh dan menjauhi perkara yang diharamkan. Jika ditelusuri terhadap contoh-contoh peristiwa dari umat zaman dahulu sehinggalah sekarang, Allah s.w.t selalu memberikan *wasilah* (jalan) yang mudah dan mengurniakan pemberian-Nya kepada hamba-hamba-Nya yang taat dan beramal soleh. Ceritera pemberian azab atau nikmat oleh Allah s.w.t pada era para *al-Anbiya*’ (nabi) terdahulu boleh menambahkan suatu *ibrah* (pengajaran) dan ini boleh disaksikan sendiri di dalam risalah-risalah masyhur seperti taurat, zabur, injil dan al-Quran serta hadis Rasulullah s.a.w. Selain itu, perkara ini turut juga berlaku ke atas para sufi, wali-wali Allah s.w.t dan juga manusia biasa yang sangat mentaati ajaran Islam serta beriman kepada Allah s.w.t dan menuruti sunnah Rasulullah s.a.w.

Sirah yang terjadi kepada para rasul seperti nabi Nuh a.s dengan Bani Rasib, nabi Hud a.s dengan kaum Aad, nabi Salleh a.s dengan bangsa Tsamud, nabi Ibrahim dengan kaum Namrud, nabi Luth a.s dengan penduduk Sodom dan Amurah, nabi Ismail a.s dengan bangsa Arab Yaman, nabi Ishak a.s dan nabi Yaakub a.s dengan penduduk Kan’an, nabi Yusuf a.s dengan bangsa Mesir, nabi Syuib a.s dengan kaum Midian dan Aikah, nabi Ayub a.s, nabi Musa a.s, nabi Harun a.s, nabi Zulkifli a.s, nabi Daud a.s, nabi Sulaiman a.s, nabi Ilyas a.s, nabi Ilyasa a.s, nabi Yunus a.s, nabi Zakaria a.s, nabi Yahya a.s, dan nabi Isa a.s dengan bani Israel, boleh dijadikan *istifadah* (manfaat) untuk semua orang Islam pada masa kini. Sekiranya diamati dengan teliti, manusia dan pencipta-Nya sentiasa saling berhubungan (Zaini, 2004). Hal ini jelas apabila manusia sememangnya dikurniakan oleh Allah s.w.t dengan pelbagai nikmat dan diberikan pertolongan-Nya. *As-Silah* (hubungan) antara Allah s.w.t dengan makhluknya boleh diperhatikan semenjak dari awal penciptaan manusia lagi iaitu bermula dengan penciptaan manusia iaitu dari tanah kemudian menjadi darah, daging dan tulang sehinggalah pengakhiran terbentuknya seorang manusia.

Sahsiah Terhadap Manusia

Sahsiah terhadap manusia hendaklah dimulakan dengan bersahsiah terhadap Rasulullah s.a.w kerana baginda s.a.w yang paling layak dimuliakan (Surah al-Taubah, 9: 24), ditaati (Surah al-Nisa', 4: 59), diucapkan selawat, pujian dan salam kepadanya (Surah al-Ahzab, 33: 56). Selanjutnya, seorang mukmin haruslah bersahsiah terhadap dirinya, keluarga, jiran tetangga dan masyarakat Islam ataupun bukan Islam (Marzuki, 2009). Sesungguhnya, kesemua ini bukanlah suatu prinsip yang direka-reka dan al-Quran sendiri memerintahkan manusia supaya melakukan sahsiah sedemikian rupa. Bertitik tolak daripada itu, sebagai khalifah yang ditugaskan untuk mentadbir alam ini, manusia dijadikan dalam rumpun yang berbeza iaitu lelaki dan perempuan. Secara zahir, manusia memerlukan pasangan untuk melahirkan generasi yang mampu menjadi pemimpin, beramal soleh kepada Allah s.w.t dan dapat memperindahkan alam ini dengan ketenangan, ketenteraman dan kemesraan. Dalam skop kerja pula, hubungan antara manusia ini hendaklah diwujudkan dalam bentuk ikatan dan berlandaskan hubungan manusia dengan Allah s.w.t.

Hubungan sesama manusia adalah fitrah (Mohd Juoi, 2016). Menurut Busri Endang (2009), manusia dikatakan sebagai makhluk sosial kerana, pada diri manusia terdapat dorongan dan keperluan untuk berhubungan (interaksi) dengan orang lain. Manusia juga memang tidak dapat meneruskan kehidupan di dunia ini tanpa adanya kehidupan bermasyarakat. Perkara ini dapat dilihat menerusi kisah semasa awal penciptaan manusia yang mana pada mulanya nabi Adam a.s. dan isterinya Siti Hawa diturunkan ke alam dunia akan tetapi, saat akhirnya mereka disatukan dan diberikan nikmat penyatuan kerana Allah s.w.t Maha Mengetahui berkenaan apa yang diperlukan oleh manusia. Ukhwah sesama manusia perlulah berteraskan kepada iman dan takwa. Hal ini demikian kerana, iman dan takwa yang sempurna boleh diukur berdasarkan hubungan sesama manusia (Muzayyanah, 2015). Dengan hubungan tersebut juga, ia dapat menghapuskan hasat dengki, iri hati, sombong, takabur dan lain-lain penyakit kejiwaan yang boleh memusnahkan diri manusia.

Perpaduan sesama manusia yang berlandaskan kepada dosa akan mengundang kepada konflik dan kehancuran. Lantaran itu, setiap daripada orang Islam perlu menanam sifat 'tawakkal' selain terus bersinergi dan berusaha agar hubungan sesama manusia dapat dijaga semata-mata kerana Allah s.w.t. Bukan harta, pangkat, bangsa dan perkara duniawi yang menjadi entiti misali bagi menentukan kejayaan dan kegagalan individu. Rasulullah s.a.w bersabda sebagaimana di dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Dari Abu Hurairah r.a, dari Rasulullah s.a.w bersabda: *"Seorang mukmin itu cermin bagi mukmin lainnya, dan seorang mukmin itu saudara bagi mukmin lainnya; dia membantunya (mukmin yang lain) saat kehilangan (ikut menanggung kesulitannya) serta menjaganya (membelanya) dari belakang."* (Riwayat Abu Daud, no. 4272 - Kitab Adab)

Berdasarkan hadis di atas, persaudaraan manusia sesama manusia hendaklah berteraskan kepada lunas-lunas ajaran Islam iaitu, tolong menolong dalam kebaikan dan bukannya tolong menolong dalam kemungkaran, menjawab salam ketika dia memberi salam, menghadirkan diri ketika dijemput, menasihatinya ketika diminta memberikan nasihat, menziarahinya ketika dia sakit, mendoakannya dengan doa yang baik ketika dia bersin dan menguruskan jenazahnya ketika dia mati (Al-Ghazali, 1990). Rasulullah s.a.w turut memberitahu di dalam sebuah hadis yang bermaksud: Telah menceritakan kepada kami Ibnu al-Mubarak dan Ibnu Idris serta Abu Usamah seluruhnya, dari Buraid, dari Abu Burdah, dari Abu Musa dia berkata; Rasulullah s.a.w bersabda: *"Orang mukmin yang satu dengan mukmin yang lain bagaikan satu bangunan, satu dengan yang lainnya saling menyokong."* (Riwayat Muslim, no. 4684 - Kitab berbuat baik, menyambut silaturahmi dan adab)

Secara umumnya, hadis di atas memperlihatkan bahawa, betapa pentingnya seorang Muslim memelihara hubungan koperatif antara satu yang lain. Pergaulan sosial sesama manusia dari aspek prinsip dan syariat Islam membawa kepada *muamalah* (Megawati & Arlianah, 2019). Jika diteliti dengan lebih mendalam, *muamalah* adalah wahana yang cukup ampuh untuk mengatur cara hidup seharian sesama manusia (*muamalah* dalam urusan keduniaan) baik mengenai keperluan mahupun kesepakatan secara *adabiyah* dan *madaniyah* seperti transaksi jual beli, sewa menyewa, upah mengupah, perkongsian, kejujuran, kesopanan, saling menyukai dan sebagainya. Dalam sudut pandang Islam, kesemua aktiviti ini merupakan suatu interaksi atau tatacara sosial manusia dan bukan sahaja merangkumi sesetengah perkara malahan turut meliputi banyak cabang seperti perundangan, organisasi kekeluargaan, sivil dan jenayah (Ripin *et al.*, 2006). Sebagai pengitlakan, interaksi sosial manusia sesama manusia yang bukan Islam adalah diterjemahkan melalui pengalaman, kebudayaan, corak pemikiran dan keinginan manusia. Sedangkan pergaulan yang berkonsepkan Islam adalah berlandaskan kepada dasar-dasar yang telah disusun dan disampaikan oleh sumber al-Quran dan hadis bukan mengikut adat atau akal fikiran manusia.

Sahsiah Terhadap Alam

Sudah terang lagi bersuluh, Allah s.w.t menciptakan manusia seelok-elok kejadian (fi ahsan al-Taqwim) dan memberikan kemuliaan kepada manusia dengan kedudukan yang paling berprestij. Perkara ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT dalam: *"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.* (Surah al-Israa', 17: 70) . Lanjutan daripada ayat yang telah dinyatakan di atas, Allah s.w.t telah menghadihkan manusia sebuah mesin agung yakni akal fikiran yang waras, membolehkan manusia membezakan antara yang baik dan yang buruk dengan berlandaskan kepada agama (Abdullah & Samiah, 2017). Manusia adalah pentadbir yang telah diberikan mandat, taklif (tanggungjawab) dan amanah bagi memakmurkan alam persekitaran secara adil. Allah s.w.t telah memberikan kekuasaan kepada manusia untuk mempelajari sesuatu sisi daripada sisi yang lain dan

memberikan kepada manusia sebuah fakulti ilham untuk mengkaji, memerhati, berfikir, menaakul dan bertafakur akan pelbagai perkara yang boleh diamati di dalam al-Quran terhadap alam. Alam persekitaran adalah ciptaan-Nya kepada *Ulul Albab* (orang-orang yang berfikir) supaya terus memelihara nilai khazanah yang diberikan secara berhikmah

Islam telah mendidik manusia agar melakukan pergaulan yang sempurna dengan alam persekitaran. Alam ini diciptakan dalam keadaan lestari dan terpelihara. Simbiosis antara manusia dengan dengan setiap komposisi alam persekitaran sama ada secara fizikal, biologikal mahupun kerohanian tidak dapat disangkal lagi. Hal ini terbukti melalui firman-nya yang bermaksud: “*(Dia-lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternak kamu; Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang-orang yang berakal fikiran.*” (Surah Taha, 20: 53-54). Dalam ayat yang lain, “*Dan bumi ini kami bentangkan, dan kami letakkan padanya gunung-ganang yang kukuh terdiri, serta kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya. Dan kami jadikan untuk kamu pada bumi ini segala keperluan hidup, juga kami jadikan makhluk-makhluk yang kamu bukanlah orang yang sebenar menyediakan rezekinya. Dan tidak ada sesuatupun melainkan pada sisi kami sahaja perbendaharaannya dan kami tidak menurunkannya melainkan dengan menurut kadar dan masa yang tertentu.*” (Surah al-Hijr, 15: 19-21)

Manusia tidak mempunyai hak sama sekali untuk menjadikan alam persekitaran sebagai modus operandi gerakan materialistik semata-mata. Menurut Mahad Musa (2010), segala tindakan yang menyebabkan ketidacacuhan dan kebobrokan pengurusan alam persekitaran dianggap sebagai orang yang tidak reti bersyukur dan menghargai kepentingan alam persekitaran. Firman Allah s.w.t di dalam al-Quran yang bermaksud: “*Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka, sebahagian daripada akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar.*” (Surah al-Rum, 30: 41). Di alam ini, rencaman binatang, serangga, tumbuh-tumbuhan telah digunakan sebagai belaan, jagaan, perdagangan, perlindungan dan juadah makanan. Gunung ganang, hutan, bukit bukau dan tanah rata pula diciptakan oleh Allah s.w.t. untuk membolehkan manusia tinggal secara kondusif, dijadikan tempat berteduh, bahan binaan, barang-barangan, taman dan kebun. Dalam kerak bumi, terdapat pelbagai sumber galian asli yang boleh diimplementasikan untuk tujuan ekonomi dan keperluan lain manusia seperti pembuatan kereta, barang-barang teknologi, pembinaan bangunan, barang kemas dan lain-lain yang sesuai perkembangan zaman. Perkara ini telah dihuraikan oleh Allah s.w.t di dalam al-Quran: “*Dan Dia lah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah) yang bergugus-gugus; dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dari mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaiton serta buah delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah, dan ketika masakunya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman.*” (Surah al-An’am, 6: 99).

Islam adalah agama fitrah (din al-Fitrah) telah menggariskan kepada manusia tentang hukum-hakam yang boleh dilaksanakan bagi melindungi dan menjaga interaksi yang baik dengan alam sebagaimana yang dilakukan oleh umat Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. Islam juga tidak sesekali menghalang atau membelenggu kebebasan penerokaan, penyelidikan dan pengkajian terhadap alam persekitaran sebaliknya agama meraikan realiti tersebut dengan tidak menolak sunnatullah pada alam (Md Nawi, 2019). Namun begitu, Islam tidak sesekali membiarkan kebebasan tersebut tanpa sebarang tapisan dengan lapisan hukum yang dibenarkan. Ini adalah selari dengan sabda Rasulullah s.a.w melalui sebuah hadis yang bermaksud: “*... Kalian lebih mengetahui urusan dunia kalian*” (Riwayat Muslim: 4358). Dr. Yusof al-Qaradhawi mengatakan bahawa, hadis tersebut jelas tidak melarang manusia dalam urusan keduniaan selagi mana tidak mengganggu-gugat urusan syariat (Putra & Rumondor, 2020). Merujuk kepada perbincangan ilmu fiqh: “*Sekiranya perkara itu mahu dilakukan ternyata akan menghasilkan lebih banyak kehancuran berbanding kebaikan, maka perkara tersebut wajib dihindari dan tidak diteruskan*” (Haji Mohd Yusoff, 2004). Maka, di sini dapatlah difahami bahawa, pengkajian atau penyelidikan wajiblah tidak berbentuk merosakkan, membinasakan dan menjahanamkan keseimbangan ekosistem alam persekitaran serta mengancam kehidupan spesis flora dan fauna. Dengan demikian, pergaulan manusia dengan alam persekitaran yang berkonsepkan Islamik dapat disuburkan antara satu sama lain.

Seterusnya, *al-Mizan* (keseimbangan) yang dibawa oleh Islam merupakan dasar sebenar dalam memahami alam persekitaran. Sebagai contoh dalam al-Quran, Allah s.w.t menyebut teori keseimbangan di mana jika dirosakkan, semestinya banyak bala bencana lain akan berlaku. Firman Allah s.w.t yang bermaksud: “*Dan langit dijadikannya (bumbung) tinggi, serta Ia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan. Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan. Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang*” (Surah Al-Rahman: 7-9). Dalam surah yang lain, Allah s.w.t menggambarkan secara tersurat mengenai penciptaan langit yang seimbang dan teratur manakala secara tersirat, Hamka (2007) menafsirkannya berkenaan kedudukan bintang-bintang, bulan dan matahari dalam cakerawala tanpa gangguan antara satu sama lain. Firman Allah s.w.t, “*Dia lah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan-(mu)-dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?*” (Surah al-Mulk, 67: 3)

Kata kunci kepada ayat-ayat di atas dapat disimpulkan bahawa, konsep *al-Mizan* mengambil kira keharmonian hubungan antara unsur-unsur alam dengan makhluk yang lain khususnya peranan yang dimainkan oleh manusia selaku

khalifah di alam ini. Sistem yang telah diwujudkan oleh Allah s.w.t ini tidak akan terhakis sekiranya kerakusan dan tindak-tanduk manusia dalam mengeksploitasi alam melalui aktiviti penjarahan yang melebihi batasnya dapat dielakkan (Abdul Halim & Mat Akhir, 2016). Apa jua bentuk usaha merencanakan ekonomi seperti projek pertanian, penyahhutan, pembinaan lebuhraya, perindustrian hendaklah tidak menimbulkan impak sampingan yang boleh membahayakan berbanding manfaat kepada manusia dan ekosistem. Sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan itu secara izharnya akan mencetuskan banyak keburukan dari kebaikan, sudah tentu rancangan tersebut akan menenggelamkan konsep sebenar *al-Mizan* secara keseluruhan. Maka jelaslah bahawa, sahsiah insan holistik tidak terhad kepada satu atau dua situasi yang tertentu, akan tetapi ia meliputi semua sekali iaitu dengan Allah s.w.t, manusia dan alam

Filsafat Abu Hamid Al-Ghazali Terhadap Kependidikan

Alavi (2003) seperti mana yang dikarang oleh Zuliarti (2015) bahawa, Abu Hamid al-Ghazali amat menekankan disiplin penyediaan bahan pengajaran dan sikap guru terhadap pengamalan ilmunya. Dalam pada itu, elemen-elemen lain yang menunjukkan pengintegrasian ilmu pengetahuan melalui daya tarikan dan sikap toleransi kepada pelajar hendaklah dititikberatkan dari semasa ke semasa. Pendidik perlu menyediakan kemudahan dan kesempatan kepada pelajar untuk memahami aspek-aspek pelajaran yang disampaikan. Dalam perkara yang berhubungan dengan metodologi pendidikan, Abu Hamid al-Ghazali amat menekankan kepentingan bimbingan dan pembiasaan kerana usia, pemikiran, bakat, nilai integrasi, dan matlamat dapat dilahirkan menerusi manfaat penggunaan metode tersebut. Rentetan daripada hal ini, antara asas-asas metodologi pengajaran lain yang dikemukakan oleh Abu Hamid al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* ialah seperti berikut (Zainuddin, 1991; Fadli, 2017; Setyaningsih, 2015):

1. Memperhatikan *marhalah* (tahap) daya fikir pelajar.

“Seorang pendidik hendaklah memerhati daya kefahaman pelajarannya dan jangan menyampaikan pelajaran kepada mereka melebihi tingkat akal fikiran, sehinggakan mereka akan lari dari pengajian atau menjadikan tumpul otaknya.”

Berpandukan kepada kenyataan di atas, seseorang pendidik seharusnya dapat membezakan mata pelajaran selaras dengan pemikiran anak didiknya, iaitu memberikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan pelajar. Menurut Bhinnety (2015), kemampuan manusia untuk mengingat sesuatu dan menggunakannya semula adalah terhad. Maka, guru perlu memahami aras pemikiran, pengetahuan dan minat mereka agar mereka dapat terus bermotivasi dan menguasai mata pelajaran itu dengan bersungguh-sungguh.

2. Pengajaran yang lebih jelas

“Seorang pelajar yang masih rendah tahap pemikirannya, hendaklah diberikan penjelasan yang nyata dan jelas baginya”

Maksud kata-kata di atas adalah mengenai ciri-ciri perbezaan mengajar sama ada pelajar yang memiliki daya intelektual yang tinggi ataupun pelajar yang lemah. Pelajar yang masih lemah daya pemahaman dan intelegnya hendaklah diberikan pengulangan, penjelasan, tidak meleret-leret dan bersesuaian dengan tahap pemahamannya. Apabila melakukan kaedah ini, digalakkan supaya aib pelajar tersebut dijaga sehingga tidak ada pengaruh buruk dalam dirinya. Bagi pelajar yang cerdas dan memiliki tahap pemikiran yang tinggi, cukup sekadar memberikan penerangan ringkas dan tepat. Mereka juga boleh memahami secara *non verbal* seperti isyarat tangan. Manhaj ini sangat penting dan sangat banyak diamalkan serta banyak diimplementasikan dalam dunia pendidikan kontemporari misalnya integrasi pengajaran dan pembelajaran melalui modul.

3. Pengajaran dari tersurat kepada tersirat

“Seorang pendidik janganlah mengabaikan aktiviti nasihat menasihati pelajarannya. Begitu juga dengan melarang pelajar untuk tidak mempelajari sesuatu ilmu yang tidak sesuai dengan tahapnya. Walau bagaimanapun, dituntut untuk memahami terlebih dahulu ilmu pengetahuan yang tersurat dan baharulah menguasai ilmu pengetahuan yang tersirat.”

Mengajarkan ilmu pengetahuan perlu dimulakan sesuatu yang telah diajar kepada yang belum diajar atau daripada yang mudah kepada yang susah atau daripada yang terbuka kepada yang khusus, umum kepada yang mendalam, fundamental kepada yang bercabang-cabang.

4. Pengajaran secara berperingkat

“Pendidik yang mengajarkan satu-satu topik mata pelajaran hendaklah memberikan kesempatan kepada pelajarannya untuk menguasai topik pengajiannya secara beransur-ansur agar kemajuan dapat dicapai dan kesempatan untuk belajar dapat dipenuhi setingkat demi setingkat.”

Abu Hamid Al-Ghazali menganjurkan guru supaya menyampaikan ilmu secara beransur-ansur, iaitu mengamati aras pemikiran pelajar dan kesediaannya menerima ilmu berdasarkan objektif yang ditetapkan sesuai dengan tahap

penerimaannya. Oleh itu, berdasarkan penjelasan di atas, pandangan Abu Hamid al-Ghazali mengenai fundamental metodologi pengajaran tidaklah berbeza dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam pendidikan kontemporari. Abu Hamid al-Ghazali adalah seorang pemikir di luar kotak yang berjaya mentransformasikan dasar, minhaj dan metode kependidikannya melangkaui zaman yakni seribu tahun yang akan datang. Kini, ianya hanya perlu disebarluaskan dan dikembangkan oleh ahli-ahli akademik sekarang ini.

Filsafat Abu Hamid al-Ghazali Terhadap Pembangunan Sahsiah Insaniah

Mat Daud et al. (2020) mengatakan, Rasulullah s.a.w diutuskan dengan membawa pakej Islam yang lengkap, iaitu meliputi tauhid, syariat dan sahsiah. Hal ini demikian kerana, ketiga-tiga aspek ini menjadi asas utama Islam dan perkaitannya antara perangai, tabiat, personaliti dan sahsiah bagi umat Islam itu sendiri (Hassan Mydin & Mat Jusoh, 2018). Rasulullah s.a.w pernah diajukan soalan mengenai Islam dan akhlak sebagaimana di dalam sebuah hadis (maksudnya): “Seseorang datang kepada Rasulullah dari arah depan. Lalu ia bertanya, “Wahai Rasulullah, apa agama itu?”. Rasulullah menjawab, “Agama itu adalah akhlak yang baik”. Lalu ia mendatangi Rasul dari arah kanannya dan bertanya, “Wahai Rasulullah, apa agama itu?”. Rasulullah menjawab, “Agama itu adalah akhlak yang baik”. Kemudian ia mendatangi Rasulullah arah kirinya dan bertanya lagi, “Wahai Rasulullah, apa agama itu?”. Rasulullah menjawab, “Agama itu adalah akhlak yang baik”. (Al-‘Iraqi, 1987). Dalam hadis yang lain baginda s.a.w bersabda, “Kesempurnaan iman yang dimiliki orang mukmin itu adalah sahsiahnya yang tinggi dan terpuji” (Riwayat Abu Daud, no. 4062 - Kitab Sunnah)

Berpandukan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud di atas, makna “sahsiah yang bagus, tinggi dan terpuji ini” seperti mana yang dibicarakan oleh Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi di dalam Zakaria (2012): “Sahsiah terpuji adalah salah satu komposisi utama dalam pembangunan diri umat Islam. Terpancarlah daripada personalitinya ciri-ciri ketelusan, gemar melaksanakan amalan yang baik, dan kasih mengasihi terhadap orang lain. Dia tidak berbohong, jujur, tabah, tidak memungkir janji, dan memelihara penghormatan diri. Terpancarlah dalam perhubungan mereka dengan sesama mereka dengan sifat tawaduk, tidak bakhil, tegas, tidak melakukan kemungkar, dan sanggup berkorban. Dia sentiasa bersedia menghulurkan bantuan dengan bila-bila masa. Penampilannya kemas, bersih dan sentiasa bersederhana dalam setiap perkara. Dia tidak berdendam dengan orang lain, selalu menyampaikan nasihat, tidak bertindak sendirian dan tidak menyukai akan perbuatan atau perkara-perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t. Dia mampu mengawal nafsunya, cita-citanya ialah istiqamah melaksanakan amal kebajikan walaupun sedikit ataupun banyak, tidak mementingkan diri sendiri, serta sentiasa menjaga hubungan atau melakukan kebaikan kepada seluruh makhluk Allah s.w.t tanpa prejudis”.

Menurut Al-Ghazali (2003), sahsiah insaniah merupakan sifat yang lahir dari jiwa seseorang, tanpa dihajati atau sebarang pertimbangan dan sifat ini dipengaruhi oleh pelbagai amalan atau perbuatan sama ada mulia ataupun keji. Pembangunan sahsiah insaniah yang dilakukan bersabitkan Islam lahir dan tersebar dalam rangkuman sumber *kalamullah* (al-Quran) iaitu berpandukan pegangan akidah, dikemudi oleh hukum-hakam (syariat) dan disulami dengan tatasusila, budi pekerti serta kelakuan yang mulia. Hanya penerapan dan pembangunan yang berpandukan lunas-lunas Islam sahaja yang berupaya memimpin manusia bagi menggapai keamanan di dunia dan di akhirat. Jika sebaliknya, nescaya akan membawa kehancuran dan bala bencana di dunia dan akhirat (Omar et al., 2018). Merujuk kepada “*The Nature Man and the Psychology of Human Soul*”, asal usul kejadian manusia sangat berbeza berbanding binatang kerana wujudnya kesepaduan antara jasad (fizikal) dan jiwa (roh) (Al-Attas, 1990). Selain itu, berdasarkan perspektif sains Islam, manusia adalah makhluk yang unggul dan istimewa kerana seimbang antara satu sama lain yakni memiliki akal, hati, emosi, rohani, dan keupayaan jasmani. Dalam konteks ini, penciptaan manusia menandakan keagungan Allah s.w.t. Implikasinya, manusia yang hendak digilap dan diisi dengan perkara yang bermanfaat dalam dirinya, sudah pasti tidak boleh dibangunkan tanpa kesemua aspek tadi (jasad dan jiwa) dan perkara ini menjadi keperluan untuk diberi perhatian agar kejayaan mendidik sahsiah insaniah dapat dilaksanakan (Mat Akhir & Sabjan, 2014). Menurut Abu Hamid al-Ghazali, terdapat empat (4) perkara tertinggi dalam sahsiah insaniah (Alim et al., 2013), iaitu:

1. *Al-hikmah* atau jalan pemikiran yang menjadi penyuluh dalam pengawalan diri daripada nafsu *ammarah* dan nafsu syahwat. Jalan pemikiran yang dipandu dengan sempurna akan menjadikan dirinya sentiasa diberikan pedoman hidup, motivasi yang kuat, hati yang murni, emosi yang stabil dan kekal dalam fitrah
2. *Al-‘Itidal* adalah jiwa yang boleh menolak emosi, keinginan (nafsu) dan kecenderungan untuk menggapai hikmah. Sifat ini dapat membantu memperoleh kebahagiaan dan kejayaan
3. *As-Syaja’ah* atau sifat keberanian. Sifat ini memiliki tekad yang kuat untuk mempertahankan kebenaran, tidak takut dicaci, tidak takut kehilangan pangkat, harta dan tidak gentar menghadapi liku-liku perjuangan. Sifat ini mampu menerbitkan rasa *izzah* (kemuliaan, kewibawaan dan penghormatan) kepada manusia jika sentiasa istiqamah mengamalkan sahsiah mulia.
4. *Al-‘Iffah* atau memelihara hati, pancaindera, jasad, harta dan lisan atau membenci kemaksiatan dan memalingkan jiwa daripada perkara yang mungkar.

Kesemua sifat ini membawa maksud bahawa, didikan sahsiah insaniah adalah berpunca daripada kawalan akal fikiran, kesempurnaan emosi, kestabilan nafsu *ammarah*, dan dorongan syahwat agar dalam keadaan taat serta patuh kepada batasan syarak

Filsafat Abu Hamid Al-Ghazali Dalam Pembentukan Kekebalan Jiwa

Abu Hamid al-Ghazali mengklasifikasikan lima pengisian yang boleh diberikan untuk mengubati kelompongan hati dan membangunkan sahsiah manusia (Abdullah *et al.*, 2017), iaitu;

1. *At-Tazkiyyatul al-Qalb/ al-Nafs* atau penterapian batin manusia
2. *Al-Mujahadah* atau menentang hawa nafsu
3. Amal kebaikan
4. Melakukan perkara yang selari dengan sahsiah yang baik
5. *Muraqabatullah* atau pengawasan diri terhadap Allah s.w.t

Lanjutan daripada pernyataan yang diberikan di atas, *Tazkiyyah al-Qalb* berdasarkan pandangan Abu Hamid al-Ghazali, *tazkiyyah* dari sudut bahasa adalah penyucian, pembersihan, penyuburan dan penghapusan (Saari, 2007). Dari segi terminologi pula, Abu Hamid al-Ghazali menyifatkan *tazkiyyah* adalah amalan bagi sesuatu perkara yang dilakukan secara *istiqaamah* (berterusan) demi mengikis dan membuang segala kekotoran sifat keji yang menjadi hijab dan asbab kepada manusia menjadi hina serta jauh dari *hidayatullah* (petunjuk Allah s.w.t) (Salasiah, 2014). Kemudian, penyucian diri tersebut diterapkan dengan sifat muhasabah, tawakal, tawaduk dan takwa bagi menjadikan proses pembentukan diri serta pembersihan jiwa lebih mapan. Deduksinya, *tazkiyyah* sangat diperlukan bagi menyelesaikan konflik hati manusia kerana hati (kalbu) diibaratkan sebagai raja di tengah kerajaan dan anggota lain adalah prajurit yang akan menerima arahan bagi melakukan tindakan (Abdul Jalil *et al.*, 2017). Maka sayugia proses yang dilakukan seseorang insan inilah dapat membentuk jiwanya sama ada lahir dalam akhlak yang baik ataupun buruk (Al-Ghazali 1998).

Al-Ghazali mendefinisikan *al-Qalb* sebagai material dan spritual (kerohanian) (Mohd Azaman & Badaruddin, 2016), manakala Imam al-Jurjani menurut kitabnya *al-Ta'rifat, al-Qalb* dalam Bahasa Arab dan dalam Bahasa Inggeris dikatakan sebagai *heart* atau *soul*, sebagaimana yang dimaklumi umum, *qalb* paling kerap disebutkan di dalam al-Quran sebagai *jawhar al-fird* (jirim halus) yang bergerak memberikan kekuatan kepada perasaan, hasrat, kehendak dan naluri kemahuan manusia (Saari & Zaini, 2016). Firman Allah s.w.t dalam al-Quran mengenai hati manusia yang bermaksud: “Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran; supaya kamu bersyukur.” (Surah an-Nahl, 16: 78). Begitu juga dengan ayat yang lain, “Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran), untuk meminum perempuan (yang kematian suami dan masih dalam idah), atau tentang kamu menyimpan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka). Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut atau mengingati mereka, (yang demikian itu tidaklah salah), akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka di dalam sulit, selain dari menyebutkan kata-kata (secara sindiran) yang sopan. Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum habis idah yang ditetapkan itu. Dan ketahuilah sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada dalam hati kamu, maka beringat-ingatlah kamu akan kemurkaannya, dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar.” (Surah al-Baqarah 2: 235)

Al-Qalb (hati) dikatakan bertanggungjawab sebagai penolong, pendorong dan pengendali struktur elemen jiwa yang lain (Jalil *et al.*, 2016). Setiap acuan dari perbuatan dan kata-kata bermula dengan perasaan yang terpendam dalam hatinya. Orang yang mempunyai hati yang subur dengan kebaikan akan menyerlahkan akhlak atau sahsiah terpuji selain Allah s.w.t juga redha ke atasnya. Orang yang mempunyai hati atau jiwa yang kotor atau bermasalah akan memanifestasikan akhlak atau sahsiah yang buruk dan orang di sekelilingnya tidak merasa sedikitpun kebaikan dalam dirinya. Atau dengan kata lain, ukiran pemikiran dan kalbunya telah rosak dan perlu dirawat dengan segera (Syed Abdul Rahman, 2017). Allah s.w.t berfirman (maksudnya): “Belum sampailah lagi masanya bagi orang-orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (Al-Quran) yang diturunkan (kepada mereka)? Dan janganlah pula mereka menjadi seperti orang-orang yang telah diberikan Kitab sebelum mereka, setelah orang-orang itu melalui masa yang lanjut maka hati mereka menjadi keras, dan banyak di antaranya orang-orang yang fasik - derhaka.” (Surah al-Hadiid, 57: 16)

Dalam petikan penulisan Yahya *et al.* (2017), Abu Hamid al-Ghazali merumuskan bahawa, terdapat tiga elemen *nafsan* yang boleh membentuk perwatakan atau ciri-ciri seseorang manusia, iaitu *al-Aql* (akal fikiran), *an-Nafs* (jiwa) dan *al-Qalb* (hati). Kebijaksanaan yang tertinggi merujuk kepada *al-Aqlu* (akal fikiran) dan pemikiran yang jernih. Bagi Abu Hamid al-Ghazali, terdapat tiga jenis akal yang mempengaruhi perwatakan individu secara berbeza (Zainal & Wan Hassan, 2009; Hj. Johar & Mad Shah, 2011), iaitu; (a) Akal sediakala adalah akal yang digunakan untuk beriktikad terhadap sesuatu tersurat atau realiti dan menolak perkara yang tersirat atau khayalan. (b) Akal logik merupakan akal yang berada pada aras pemikiran sederhana dan selalu mengkaji selok belok ke atas sesuatu secara munasabah. (c) Akal perenungan ialah akal yang mengamati secara menyeluruh untuk mengetahui sesuatu kekuatan dan akal jenis ini dibimbing oleh iman dan takwa.

Menurut Arafat (2015), al-Quran mengulang-ulang perkataan *al-Qalb* (hati) sebanyak 168 kali bagi menggambarkan penjelasan mengenai keyakinan, kebahagiaan, keimanan, ketakutan, kesedihan, kegembiraan, ketenangan ketika berzikir kepada Allah s.w.t dan kemampuan menggunakan akal untuk berfikir. Al-Hakim al-Tirmizi dalam karyanya “*Bayan al-Farq baina ash-Shadr wa al-Qalb wa al-Fu'ad wa al-Lubb*” membahagikan martabat hati bermula dengan *sadr, qalb, fuad* dan akhir sekali *lubb* (Mohd Razif, 2019). Sementelahan, Abu Hamid al-Ghazali dalam “*Ihya' Ulumuddin*” menyusun lapisan hati bermula dengan *Qalb, Fuad* dan *Lubb* (Al-Ghazali, 2003). (a) *Al-Qalb* (hati) merupakan sumber pokok ilmu, cahaya iman, keyakinan dan niat. Kesucian dan kejernihannya bergantung sejauh mana dorongan, latihan dan penjagaan bersama-sama dengan *al-Aql bil Hikmah* (akal yang bijaksana) bagi membantu manusia dalam setiap amal perbuatan. (b) *Al-Fuad* adalah maqam kedua dari hati yang mulai menyakini hakikat makrifat (abstrak/ ghaib) dan

berpegang teguh dengan suruhan Allah s.w.t. (c) Maqam terakhir dan utama dalam tingkatan hati adalah *al-Lubb*. *Al-Lubb* dianggap puncak tertinggi kerana jiwa yang teguh dapat mewujudkan naluri yang baik dan ikhlas untuk memandu akal. Sedangkan akal, adalah satu anugerah Allah swt kepada manusia yang mempunyai kecerdasan membolehkan manusia berfikir secara total dan seimbang.

Lain daripada itu, Imam al-Ghazali memberikan pengertian *al-Nafs* (jiwa) adalah sebagai sumber yang mencetuskan nilai-nilai tercela dan sifat yang halus *lathifah* (halus) pada diri manusia (Rosly, 2015). Antara nafsu-nafsu *tabii* yang disebutkan oleh Abu Hamid al-Ghazali di dalam kajian Mohd Zahid et al. (2017) seperti *al-Amaarah*, *al-Kamilah*, *al-Mardiah* dan *al-Mutmainnah*. (a) *Al-Amaarah* adalah ajakan untuk melaksanakan perkara kejahatan. (b) *Al-Mutmainnah* merupakan satu kemampuan mengawal nafsu demi mencari ketenangan. (c) *Al-Mardiah* melibatkan kelembutan, kesopanan dalam percakapan, berpegang kepada *Qada'* dan *Qadar*, selalu bersyukur, dan berasa senang dengan apa yang dimiliki. (d) *Al-Kamilah* diertikan sebagai sifat yang syumul, berhubung melalui hati kepada naluri manusia dan penghayatan nafsu ini hanyalah pemberian daripada Allah s.w.t yang hanya dapat dirasai oleh para nabi bagi menyatakan sifat kesempurnaan.

Kesinambungan dan kelangsungan diskusi tentang interaksi antara akal, nafsu dan jiwa amat vital dalam kehidupan manusia. Retetan itu, “akal perenungan” yang bercampur dengan *al-Lubb* dan *al-Mardiah* akan dapat mewujudkan suatu perwatakan insan yang sederhana. Bukan itu sahaja, manusia yang mempunyai “akal logik”, *al-Fuad*, dan *al-Mutmainnah* akan menghidupkan perwatakan holistik. Manakala manusia yang mempunyai “akal sediakala”, *al-Qalbin*, dan *al-Amaarah* dikatakan akan akan melahirkan kemelut dalam perwatakannya (Zakariya, 2012). Oleh itu, *Tazkiyyah al-Qalbin* dan *Tazkiyyah al-Nafs* adalah proses pendidikan dalaman yang mampu membangkitkan elemen positif dan menyingkirkan elemen negatif. Jiwa manusia perlu diwarnai dengan panduan ayat-ayat al-Quran. Namun, de facto dalaman manusia telah dipenuhi tompok-tompok hitam menyebabkan kecenderungan manusia untuk melakukan perbuatan dosa dan perkara sia-sia. Ironinya, malapetaka yang bertalu-talu akan menimpa individu tatkala dalamannya tidak dijernihkan dengan amal soleh dan perkara yang boleh mendekatkan diri kepada Allah s.w.t (al-Ghazali, 2003)

IMPLIKASI KAJIAN

Daripada soal hati inilah, al-Ghazali (2003) amat prihatin dan memandang serius kepada usaha pembersihan dilakukan terlebih dahulu supaya penyakit mazmumah seperti takbur, pamarah, gila pujian, cintakan duniawi, hasad dengki, ujub, penakut, mengadu domba, bermegah-megah dan sifat malas dapat dibasmi, dirawat, dibuang dan dikikis dengan amal soleh serta ibadah yang banyak. Selain itu juga, manusia hendaklah menyelaputi jiwanya dengan sifat keyakinan terhadap *rubbiyyatullah* (cintakan Allah s.w.t) agar dapat menerima hikmah dalam lubuk musibah dan teguh mengharungi pancaroba hidup. Pembebanan suatu perintah seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, membaca al-Quran, berzikir, beriktikaf, penyediaan bekalan mati, introspeksi diri (muhasabah), *beruzlah* (mengasingkan diri) dengan *bertaqarrub* (mendekati) kepada Allah s.w.t, *bertafakur* (merenung) dengan bukti-bukti keagungan Allah s.w.t, mengerjakan amalan yang baik dan melindungi diri daripada sifat-sifat jahat (amar makruf nahi munkar), tidak meninggi diri, bersikap tawaduk dan menanam bibit-bibit cintakan Allah s.w.t (hubbu ila Allah s.w.t), dapat memberi implikasi secara langsung kepada *mujahadah* penyucian hati sanubari ini (al-Ghazali, 2003). Tambahan lagi, bagi al-Ghazali (2003), pembebanan suatu larangan pula merujuk kepada wadah pengawasan terhadap tujuh anggota badan manusia yang paling berpengaruh dalam melakukan dosa, iaitu mata, telinga, lidah, tangan, alat kelamin, perut, kaki dan hati perlu dicuci dan disingkirkan daripada perbuatan jelek yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Seterusnya, *al-Mujahadah* bermaksud menentang sifat mazmumah yang datang daripada nafsu jahat. Abu Hamid al-Ghazali seperti mana yang dipetik daripada Abdullah & Hj Siren (2019), *al-Mujahadah* adalah mengubati diri daripada dicengkam oleh godaan nafsu dengan konsisten atau pengharapan agar mendapat *taufiq*, *inayah* dan terbinanya satu kekuatan luar biasa bagi mengelakkan diri daripada terjebak dengan pengaruhnya. Abu Hamid al-Ghazali sangat menumpukan perkara *al-Mujahadah* yang diselangi dengan bimbingan bagi menghadapi penyakit kejiwaan tersebut berlandaskan penguatan ilmu agama dan pemanduan secara lurus. Sungguhpun begitu, hati yang ingin merasai kemanisan iman adalah hati yang sentiasa cenderung untuk beramal dengan perkara kebaikan. Menurut Abu Hamid al-Ghazali, ini juga merupakan salah satu kaedah yang komprehensif untuk membentuk keluhuran peribadi insan yang mulia (Abu Bakar et al., 2017). Perasaan untuk melakukan amal kebaikan perlu didasari dengan dorongan, pengorbanan dan perjuangan dari dalam diri. Setelah melakukan *al-Mujahadah*, seseorang itu hendaklah memutikkan semangat untuk teguh melakukan amal kebajikan walaupun kadarnya sedikit agar amalan tersebut menjadi rutin dan tabiat kehidupannya. Amalan sedikit yang menjadi kelaziman bukan hanya membuka pintu ketaatan, mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan menerapkan sifat keikhlasan dalam beramal bahkan terpancarlah kualiti amalan yang dilakukan oleh seseorang itu.

Pelaksanaan secara sempurna terhadap tuntutan rukun Islam kedua iaitu solat mampu menjadi penggerak utama dalam mentransformasikan nilai akhlak manusia. Ini jelas disebutkan oleh Allah s.w.t bahawasanya: “*Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan*” (Surah al-‘Ankabut 29: 45). Puasa pula melatih kematangan jiwa, menumbuhkan rasa belas kasihan dalam diri dan membina perisai *al-Iman* di dalam hati. Akhir sekali, haji pula adalah penuntasan kepada pembentukan perilaku, sikap dan jiwa untuk terus berkorban dan berjihad demi menentang nafsu serta maksiat (al-Ghazali, 2003). Abu Hamid al-Ghazali menjelaskan bahawa, senjata utama dalam menggerakkan potensi insan holistik adalah mempersiapkannya dengan kesyumul rukun Islam di dalam diri masing-masing (al-Ghazali, 2003). Dalam erti kata yang lain, keinginan untuk

melaksanakan kebajikan adalah atas kecenderungan dan hasrat kerana ingin mendapatkan ganjaran daripada Allah s.w.t tanpa menghiraukan kesusahan dan kepayahan. Oleh itu, setiap manusia akan selalu berlumba-lumba membuat kebaikan, sama ada kebaikan secara zahir atau batin. Perkara ini dapat memberikan keyakinan dan penghayatan bahawa Allah s.w.t bersifat dengan sifat kesempurnaan yang sentiasa menyaksikan gerak-geri dan perbuatan hamba-hamba-Nya (al-Ghazali, 2003)

Secara analogi, al-Ghazali (2003) meletakkan konsep “melakukan perkara yang selari dengan sahsiah yang baik” adalah seperti bersikap pendiam daripada berbohong atau ghibah, kurus daripada gemuk, menepati janji daripada khianat, waras daripada gila, pemurah daripada bakhil, rajin daripada malas, perangai serupa malaikat daripada perangai iblis, berani daripada penakut, berfikiran baik daripada berfikiran buruk dan sebagainya. Akhir sekali, *muraqabatullah* atau pengawasan diri terhadap zat yang Maha Esa. Abu Hamid al-Ghazali menegaskan bahawa, konsep *muraqabatullah* adalah merasakan diri sentiasa dikawal ketat oleh Allah s.w.t (al-Ghazali, 2003). Keyakinan dan kesedaran yang dimiliki oleh orang beriman terhadap sifat-sifat Allah yang Maha Agung seperti Maha Mengetahui, Maha Mendengar, Maha Melihat, Maha Berkuasa, Maha Menentukan dan lain-lain lagi akan menjadikannya sentiasa berjaga-jaga akan perbuatannya baik di kala bersendirian atau sebaliknya. Daripada perspektif yang sama, konsep *muraqabatullah* merupakan salah satu metode yang efektif bagi manusia untuk terus memelihara hubungan dengan Rabbnya dalam semua keadaan, sama ada berupa luaran (jasmani), pemikiran dan dalaman (kerohanian). Perkara ini juga dapat memberikan motivasi dan didikan terhadap manusia agar sentiasa berhati-hati kerana Allah Maha Berkuasa, Maha Mentadbir, dan Maha Berkehendak akan segala yang tersembunyi serta tidak boleh didapati secara zahir pada manusia atau lintasan nurani yang ada di dalam jiwa setiap insan.

KESIMPULAN

Sebagai menggulung segala yang telah diperkatakan, pendidikan sahsiah sangat diperlukan bagi membentuk tingkah laku yang baik, akal fikiran yang matang secara holistik. Pendidikan sahsiah insan secara holistik bukanlah satu bidang ilmu yang baharu, namun disebabkan pelbagai isu dan ianya mestilah sejajar dengan keperluan masyarakat masa kini. Dasar pendidikan sahsiah manusia adalah bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, *ijma'*, *qiyas* dan *ijtihad*. Tujuan pendidikan sahsiah juga adalah untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan dilengkapi dengan nilai-nilai keagamaan dan budi pekerti yang tinggi. Ini kerana rangkuman unsur-unsur ini mampu melahirkan masyarakat yang bersatu padu, bersopan-santun dan hormat menghormati antara satu sama lain. Pelajaran pendidikan sahsiah bukan hanya dapat diperoleh daripada kelas semata-mata malah boleh dipelajari tanpa mengira tempat, waktu dan zaman. Kajian ini diharapkan dapat mendedahkan idea pembangunan modal insan secara inklusif dari pemikiran al-Ghazali.

RUJUKAN

- Al-Quran dan Terjemahan serta Kitab Hadis al-Syarif.
- Abdullah, A., & Samiah, A. L. (2017). Unsur-Unsur Alam Dalam Pendidikan Akhlak Masyarakat Melayu Menerusi Beberapa Karya Raja Ali Haji. *Jurnal Hadhari*, 9(2), 353-365. ISSN 1985-6830
- Abdullah, M. N., & Hj Siren, N. R. (2019). Pembangunan Akhlak Dalam Filem Melayu, Di Bawah Lindungan Kaabah Karya Hamka [Paper Presentation]. At International Conference on Islam in Malay World IX, Conference Proceeding ICONIMAD 2019, Krabi, Thailand.
- Abdullah, T. & A.C Van Der Leeden. (1986). *Durkheim dan Pengantar Sosiologi Sahsiah*, Edisi 1. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia
- Abdullah, W. Y., Khairudin, H. O., & Ahmad, S. A. (2017). Model Pembangunan Akhlak Dalam Kalangan Mahasiswa Di Institusi Pengajian Tinggi [Paper Presentation]. National Pre University Seminar 2017 (Npreus2017). 1-11. RHR Hotel. E-ISBN: 978-967-2122-11-1
- Abdul Halim, I., & Mat Akhir, N. S. (2016). “Tafsir Ayat-Ayat al-Quran berkenaan Penjagaan Alam Sekitar,” *Afkar*, 18(1), 91-130.
- Abdul Jalil, S. J., Md Yusoff, Y., & Ismail, R. (2017). Pembinaan Konsep Kendiri dari Perspektif Barat dan Islam. *Jurnal Usuluddin*, 45(1), 1-26.
- Abu Bakar, S., Azizan, N. I., Ismail, N., & Dimon, Z. (2017). Kaedah al-Quran Dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian Di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Jurnal Pengajian Islam*, 10(1), 57-77. E-ISSN: 0127-8002
- Alavi, Zianuddin. (2003). *Pemikiran Pendidikan Islam Pada Abad Klasik dan Pertengahan*. Bandung: Angkasa Press.
- Alim, A., Tafsir, A., & Ibdalsyah. (2013). Studi Komparatif Pendidikan Jiwa antara Pemikiran Ibn Jauzi dengan Kalangan Sufi. *Ta'dibuna Jurnal Pendidikan Islam*, 2(1), 1-28. ISSN: 2252-5793.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1990). *Nature of Man and the Psychology of the Human Soul*. Kuala Lumpur: ISTAC-IIUM
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1998). *Ihya' Ulumuddin*. Ed. 3, Jil. 1 dan 2. I. Yakub, Penerjemah. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2009). Ringkasan Ihya' Ulumuddin. Z. H. Al-Hamid., Penerjemah. Selangor : Darul Nu'man Sdn. Bhd
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2003). Ihya' Ulum ad-Dīn. Jil. 2. Kaherah: Maktabah as Safa.,
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2001). al-Maqṣad al-Asna fi Sharh Asma' Allah al-Husna, tahqiq Muhammad 'Uthman al-Khasht. Kaherah: Maktabat al-Qur'an.
- Al-Iraqi, 'Abd al-Rahim ibn al-Husayn. (1987). Takhrij ahadith Ihya' 'ulum al-din (al-Tab'ah 1). Al-Riyad: Dar al-'Asimah.
- Al-Qurtubi. (2006). Al-Jamaie li Ahkam al-Quran, Jil. 1. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risālah, 162-165
- Arafat, A. T. (2015). Hakikat Hati Menurut Al-Hakim Al-Tirmizi. Jurnal SmarT, 1(1), 83-95.
- Arifin, F. R. (2012). Konsep dan Metode Pendidikan Akhlak dalam Lingkungan Keluarga Perspektif Imam al Ghazali. UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, Indonesia
- Awang Mat, M. Z (2014). Rahiman (Rahmat Kasih): Konsep Dan Pelaksanaan Dalam Membangunkan Masyarakat Bertakwa [Paper Presentation]. Kertas kerja ini dibentangkan di Wacana Keputusan Sultan Muhammad V Tahun 1433H/ 2012M, "Model Masyarakat Bertakwa", Dewan Besar, Balai Islam Kota Bharu, Kelantan pada 27-28 Februari 2012. Anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.
- Bhinnety, M. (2015). Struktur Dan Proses Memori. Buletin Psikologi, 16(2), 74-88. ISSN: 0854-7108
- Fadli, A. (2017). Konsep Pendidikan Imam Al-Ghazali Dan Relevansinya Dalam Sistem Pendidikan Di Indonesia. EL-HIKAM: Jurnal Pendidikan dan Kajian Keislaman, 10(2), 276-299. Retrieved from <http://ejournal.kopertais4.or.id/sasambo/index.php/elhikam/article/download/3087/2266>
- Febriani, D. F. (2020). Istimad dalam al-Quran Perspektif Imam al-Qurthubi. Istinarah: Riset Keagamaan, Sosial dan Budaya, 2(1), 76-90. ISSN: 2716-3539
- Hassan Mydin, S. A., & Mat Jusoh, M. S. (2018). Prinsip-Prinsip Asas Pembangunan Insan Model Nubuwwah [Paper Presentation]. Kertas kerja yang dibentangkan di The 13th ISDEV International Islamic Development Management Conference (13th IDMAC 2018) anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang pada 13-14 November 2018 di Universiti Sains Malaysia, (USM), Pulau Pinang, 96-103
- Haji Mohd Yusoff, Z. (2004). Gejala sosial dalam komuniti: Satu sorotan penyelesaian dari perspektif wahyu. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi. (Unpublished)
- Hj. Johar, S. S., & Mad Shah, I. (2011). Kecerdasan Emosi Ketua Dalam Elemen Tadbir Urus Insan Dari Perspektif Model Kerohanian Imam Al-Ghazali. In: International Management Conference (IMaC2011), 16th-17th April 2011, Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim. (2007). Tafsir al-Azhar, jil. 1 dan 4. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Hashim, S. N. A. (2020). Pembangunan Modal Insan Melalui Konsep Tazkiyah Al-Nafs. Jurnal Maw'izah, 3, 17-27. eISSN: 2636-9354
- Ibnu Kathir. (1994). Tafsir al-Quran al-'Azim, Jil. 1. Kaherah: Dar al-Hadith, 29-30
- Ibnu Miskawayh. (1966). Tahdzib al-Akhlaq dalam C.K Zurayk. Beirut: American University of Beirut, ms. 21.
- Jalil, M. H., Stapa, Z., & Abu Samah, R. (2016). Konsep Hati Menurut Al-Ghazali. Jurnal Reflektika, 11(11), 59-71.
- Jasmi, K. A. (2001). Paradigma Imam al-Nawawi Dalam Pembinaan Insan : Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Salihin. Tesis Sarjana. Unpublished. Universiti Malaya
- Kamus Dewan (2013). Kamus Dewan. Dewan Bahasa dan Pustaka. Accessed on 02 Februari 2021 from: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?>
- Mahad Musa. Z. (2010). Fiqh al-Biah: Prinsip Interaksi Manusia dengan Alam Persekitaran. Shariah Journal, 18(1), 1-24.
- Mahmood, A. R., Mohamad Al-Merbawi, A. M., Khairuddin, W. H. (2020). Konsep Tasawwuf Dan Tarekat Menurut Ahli Sunnah Waljamaah. Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 4.0 (SUNNI 2020). Menyuburkan Penghayatan Tasawuf dan Tarekat dalam Kehidupan. 27 Disember 2020 [Pusat Islam [Live Facebook], Universiti Kebangsaan Malaysia. © Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mahmud, A. (2020). Akhlak Islam Menurut Ibnu Miskawaih. Jurnal Aqidah-Ta, VI (1), 84-98. ISSN: 2477-5711, E-ISSN: 2615-3130
- Mahmud, A. H. (1988). Qadiyyat Al-Tasawwuf: Al-Munqiz Min Al-Dalal, jil. III. Kairo: Dar al-Maarif
- Ma'lūf, L., & Tawtal, F. (1982). Al-Munjid fī al-lughah wa-al-a'lām. Beirut, Lebanon: Dār al-Mashriq.

- Marzuki. (2009). Pembinaan Akhlak Mulia Dalam Berhubungan Antar Sesama Manusia Dalam Perspektif Islam. *Humanika: Kajian Ilmiah Mata Kuliah Umum*, 9(1), 25-38. DOI: 10.21831/hum.v9i1.3781
- Maslow, A. H. (1970). *Motivation and personality*. New York: Harper & Row.
- Masroom, M. N. (2013b). Hakikat Kejadian Manusia Dan Kaitannya Dengan Kesehatan Jiwa. Dlm 3rd International Conference on Islamic Education 2013.
- Mat Akhir, N. S., & Sabjan, M. A. (2014). Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development*, 7(1), 33-47.
- Mat Daud, H., Yussuf, A., & Abdul Kadir, F. A. (2020). Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 75-89. ISSN: 1823-884x
- McGregor, D. M. (2006). *The Human Side of Enterprise*. New York: McGraw-Hill Company.
- Megawati & Arlianah. (2019). Konsep Fikih Muamalah. Researchgate. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/336225554_KONSEP_FIKIH_MUAMALAH
- Mohd Azaman, F. N., & Badaruddin, F. (2016). Nilai-Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut Al-Ghazali. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(1), 11-27
- Mohd Juoi, P. (2016, September 15). Perbezaan manusia sumber kekuatan. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/09/192790/perbezaan-manusia-sumber-kekuatan>
- Mohd Nawi, M. Z. (2018). Sosiologi Islam Pemangkin Pembangunan Insan Holistik [Paper Presentation]. Conference: International Conference on Islamic Revealed Knowledge Education 2018 (ICIRKED2018) pada 27th – 28th November 2018 di Scholar's Suites Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak. Bertempat di Scholar's Suites Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak, 1. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/329443349_Sosiologi_Islam_Pemangkin_Pembangunan_Insan_Holistik
- Md Nawi, N. H. (2019). Kaedah Penyelidikan Islam Bersepadu: Pencarian Kebenaran Dan Keberkatan Ilmu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 84-96. eISSN: 0128-1755
- Mohamed, R., & Abu Bakar, S. A. (2010). Pembangunan Masyarakat Ke Arah Kesejahteraan Berteraskan Pembangunan Insan. Kertas kerja Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat 24-25 Feb 2010, Brunei Darussalam : Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dimuat Turun pada Oktober 29, 2013 Daripada http://eprints.um.edu.my/3123/1/S4_RoslanMohamad.pdf
- Mohd Razif. (2019, Januari 05). Al-Afkar #35: Maksud Qalb, Fu'ad Dan Sadr. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/2986-al-afkar-35-maksud-qalb-fu-ad-dan-sadr>
- Mohd Zahid, E. S., Mustaffa, M. Z., Mohd Daud, N., & Saja@Mearaj, M. (2017). Aktiviti Pembangunan Spiritual Bagi Asnaf Zakat Fakir Dan Miskin Di Selangor [Paper Presentation]. In: 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017), 14-15 November 2017, Avillion Hotel Melaka. Retrieved from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/20203/>
- Muhammad, M. (2020, April 20). Covid-19 bukan bala sebaliknya ujian. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/568903/covid-19-bukan-bala-sebaliknya-ujian>
- Muhamad, S. N., Mohamed, A. K., & Haron, Z. (2014) Budaya Penyayang dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori dan Praktis. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/1804/1/7.pdf>. Access date: 2014, Ogos 1
- Muhammad Zin, A. (2018, Februari, 23). Mengimbangi akal, nafsu dengan syariat. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/02/391774/mengimbangi-akal-nafsu-dengan-syariat>
- Mustafa, I. Z. A. A. A.-Q. H. (2013). *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Place of publication not identified: Turath For Solutions.
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2020, Februari 23). Tashih Al-Mafahim #16 : Bolehkah Bertawakkal Tanpa Berusaha. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/tashih-al-mafahim/4224-tashih-al-mafahim-16-bolehkah-bertawakkal-tanpa-berusaha>
- Muzayyanah. (2015, Ogos 16). Jaga silaturahmi tanda kesempurnaan iman. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/08/75079/jaga-silaturahmi-tanda-kesempurnaan-iman>
- Nada, Achmad Musyafa' Fathun. (2015). Konsep Moral Menurut Emile Durkheim Dalam Perspektif Pendidikan Islam. Skripsi, Jurusan Tarbiyah, Program Studi Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam (STAIN) Ponorogo, Pembimbing Kada M.Pd.I.
- Omar, M. R., Harun, M. M., & Ismail, K. A. (2018). Metod Imam al-Ghazali dalam Pembinaan Sahsiah Pelajar [Paper Presentation]. Prosiding Seminar Ilmu Wahyu dan Turath 2018. Di Bilik Senat Room dan Bilik Majlis, Bangunan Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia, 299-306. Retrieved from https://umexpert.um.edu.my/public_view.php?type=publication&row=NzcxNTU%3D

- Putra, A., & Rumondor, P. (2020). Sunnah, Sains Dan Peradaban Manusia; Menelaah Kembali Pemikiran Yusuf Al Qardhawi. *EL-BANAT Jurnal Pemikiran dan Pendidikan Islam*, 10(1), 1-19. ISSN (E): 2579-8995
- Ripin, N., Suratman, A., Awang, R., Sayed Ahmad, S. M., & Haron, Z. (2006). Kajian Program Bina Sahsia Staff IPTA: Kajian Kes Di UTM dan USM. Pusat Pengajian dan Pembangunan Sosial. Universiti Teknologi Malaysia. Laporan kajian VOT 71855.
- Rosly, N. F. (2015). Nafsu Amarah Dalam Seindah Mawar Berduri. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2) JILID 2, Selangor: Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Antarabangsa Selangor. ISBN: 978-967-0850-96-2. Retrived from <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding-nilaisejagat/09-NOOR-FARHAH.pdf>
- Saari, C. Z. (2007). Peranan Penyucian Jiwa (Tazkiyah al-Anfus) terhadap Pembangunan Insan dalam Masyarakat Bertamadun. Seminar Tasawuf Negeri Sembilan 2007, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 2007. 70. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Saari, C. Z., & Zaini, N. A. (2016). Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah Al-Nafs Oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili Dalam Kitab Penawar Bagi Hati. *Afkar*, 18 Special Issue, 35-72.
- Salasiah. (2014). Penyucian Jiwa: Pengaruhnya Kepada Keberkesanan Latihan. *Konvensyen Latihan Islam Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3*.
- Setyaningsih, K. (2015). Analisis Perbandingan Pemikiran Pendidikan Antara al-Ghazali dengan BF. Skinner. *Tadrib*, 1(1), 1-15.
- Shuhairimi Abdullah et.al (2010), Melestari Pembangunan Manusia Ke Arah Penjanaan Modal Insan: Satu Tinjauan Umum Menurut Perspektif al-Quran, dalam Mohd Roslan Mohd Nor et.al (eds), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syarifah Habibah. (2015). Akhlak dan Etika Dalam Islam. *Jurnal Pesona Dasar*, 1(4), 73 – 87. ISSN: 2337-9227
- Syed Abdul Rahman, S. M. H. (2017). Tazkiyah al-Nafs Menurut Ahli Tasawuf. *Jurnal Qalbu*, 1(5), 80-108.
- Taylor, F. W. (1911). *The principles of scientific management*. New York: Harper & Brothers.
- Ulwan, A. N. (1994). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, Terjemahan oleh Syed Ahmad Semait, Singapore: Pustaka Nasional.
- Ulwan, A. N. (1994). *Pesanan kepada pemuda Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Ramadhan
- Wahyuddin. (2018). Konsep Pendidikan Al-Gazali dan Al-Zarnuji. *Ekspose*, 17(1), 549-561
- Watt, Montgomery. 1963. *Muslim Intellectual: A study of Al-Ghazali*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Weber, K. M. (1921/1968). *Economy and Society*. (G. Roth, C. Wittich, Eds., G. Roth, & C. Wittich, Trans.) New York: Bedminster Press.
- Yahya, N., Syed Omar, S. H., & Othman, M. S. (2017). Konsep Kepuasan Diri Menurut Al-Ghazali Dan Maslow: Satu Kajian Perbandingan. In *International Conference of Empowering Islamic Civilization*. Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). ISBN: 978-967-0899-70-1
- Yusof Mohamad. (1989). *Bina Insan*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Zainal, K., & Wan Hassan, W. Z. (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-14.
- Zaini, F. (2004). Ketuhanan Dan Manusia Dalam Pembentukan Peradaban Manusia Menurut Perspektif Islam, *Jurnal Kemanusiaan*, 2(1) Retrieved from: http://eprints.utm.my/id/eprint/1109/1/FadilahZaini2004_Ketuhanandan-ManusiadalamPembentukanPeradaban.pdf
- Zainuddin. (1991). *Seluk Beluk Pendidikan Dari al-Ghazali*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Zakariya, K. (2012). Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali : Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah. *Jurnal Atikan* 2(1):79-94.
- Zuliarti, A. N. (2015). *Studi Komparasi Konsep Pendidikan Islam al-Ghazali dan Ibnu Khaldun*. Tesis Sarjana. Jakarta: Fakulti Ilmu Taryah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah (Unpublished)